

Rumah: Pesara polis, tentera, ibu tunggal diminta hubungi SPNB

UM 10 JUL 2003

PUTRAJAYA 9 Julai — Pesara polis dan tentera serta golongan ibu tunggal yang masih belum memilikij kediaman sendiri diminta menghubungi terus Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB).

Menteri Kewangan II, Datuk Dr. Jamaludin Jarjis berkata, ini akan membolehkan permohonan mereka diproses untuk dimasukkan di bawah skim sewa beli seperti diumumkan kerajaan dalam Pakej Strategi Baru (PSB) ekonomi pada 21 Mei lalu.

“Buat masa ini kita tidak tahu di mana golongan ini. Jadi kita minta bekas perajurit dan polis serta ibu tunggal termasuk balu pesara terbabit supaya menge-

mutakan permohonan secara terus kepada SPNB.

“Tolong tampil ke hadapan dan mendaftar dengan SPNB,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ketika mengumumkan PSB, memberitahu bahawa SPNB akan membeli 4,400 buah rumah pangsa yang siap dan tidak terjual di seluruh negara untuk dimasukkan di bawah skim sewa beli.

Di bawah skim itu, menurutnya, sebanyak 20 peratus diskaun daripada harga rumah akan diberikan kepada golongan tersebut dengan kadar sewa beli sebanyak RM50 sebulan.

Pilihan pembelian akan dibu-

ka selepas tiga tahun menyewa dan skim ini dibuka kepada semua pesara polis dan tentera termasuk balu-balu mereka.

Jamaludin berkata, pakej itu merupakan tanggungjawab sosial kerajaan untuk menjamin masa depan pesara tentera dan polis yang telah berjasa kepada negara.

Tambahnya, skim tersebut bertujuan membantu mereka termasuk ibu tunggal memiliki kediaman sendiri.

Dari aspek ekonomi pula, menurut beliau, pembelian rumah-rumah yang tidak terjual oleh SPNB akan mengurangkan lebihan hartanah di pasaran.